♥PENANG

1 - 15 FEBRUARI, 2023

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# BIASISWA KECIL NEGERI

## ringan beban kewangan, tingkat mutu pembelajaran

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan bersama-sama barisan guru dan pihak-pihak berkaitan seusai Majlis Penghargaan Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA** - Seramai 1,554 pelajar baharu dari 121 sekolah di seluruh negeri Pulau Pinang terpilih menerima Biasiswa Kecil Negeri (BKN) Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pemberian inisiatif tersebut adalah membabitkan peruntukan kewangan Kerajaan Negeri berjumlah RM1,040,670.

"Biasiswa ini diberikan kepada pelajar tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang politik, selaras dengan Visi Penang2030 yang menekankan kesejahteraan serta kebajikan rakyat dalam segenap lapisan masyarakat.

"Oleh itu, adalah diharapkan pemberian biasiswa ini dapat meringankan beban kewangan dihadapi ibu bapa para pelajar terutamanya mereka yang kurang berkemampuan.

"Selain itu, ia juga diharap dapat memberi motivasi dan perangsang kepada para pelajar dalam meningkatkan lagi mutu pembelajaran," katanya pada Majlis Penghargaan Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 dekat sini 15 Disember 2022.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Dato' Ahmad Rizal Mohd. Hanapiah; Penolong Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Suhaizi Senai; wakil-wakil Jabatan Pendidikan Negeri serta barisan guru.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa sejak diperkenalkan pada tahun 2008, sebanyak RM29.5 juta telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan tersebut yang memanfaatkan seramai 14,754 pelajar di negeri ini.

"Mulai tahun 2021, Kerajaan Negeri telah meningkatkan peruntukan Tabung BKN dari RM2 juta kepada RM3 juta setahun.

"Ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada lebih ramai pelajar sekolah menengah yang cemerlang dalam pencapaian akademik serta dari keluarga berpendapatan rendah diberikan biasiswa kecil ini," ulasnya lanjut.

Difahamkan, jumlah pemberian biasiswa kecil adalah sebanyak RM600 kepada pelajar sekolah menengah rendah manakala pelajar menengah atas (RM840).

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum ini telah menaikkan kadar bayaran BKN sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2009 dan 2013.

Kenaikan kali pertama adalah melibatkan peningkatan sebanyak 100 peratus iaitu daripada RM240 kepada RM480 bagi pelajar menengah rendah dan daripada RM360 kepada RM760 kepada pelajar menengah atas.

Manakala kenaikan kali kedua pula adalah sebanyak RM120 bagi setiap kategori menjadikan kadar baru BKN kini adalah RM600 bagi pelajar menengah rendah dan pelajar menengah atas (RM840).

# Ahli Majlis diseru lebih peka, inovatif

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN -** Seramai 24 individu termasuk empat muka baharu melafazkan ikrar terimaan jawatan sebagai Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos 2023 di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dekat Dewan Bandaraya di sini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; barisan Exco Kerajaan Negeri; beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad turut menyaksikan majlis penuh istiadat tersebut.

Semasa berucap, Kon Yeow antara lain memberitahu bahawa dari sudut geografi, Pulau Pinang telah menyediakan kemudahan-kemudahan untuk menjadikan George Town sebagai 'Bandar Global'.

Menurut Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi itu lagi, Datuk Bandar MBPP sendiri juga merupakan Presiden Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) dan telah membawa nama Pulau Pinang dalam forum-forum antarabangsa terutamanya pada peringkat platform Segitiga Emas Indonesia - Malaysia - Thailand (IMT-GT).

"Sejajar itu, Ahli Majlis yang dilantik ini diseru untuk lebih peka dan sentiasa ke hadapan dalam mencari idea yang inovatif bagi meningkatkan daya saing serta daya huni bandar raya ini.

"Bagi memastikan Pulau Pinang terus menerajui pembangunan negara, *'multi-tasking infrastructures'* perlu tersedia agar ia dapat menyokong daya tarikan Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke Pulau Pinang.

"Sebagai contoh, bagi Ahli Majlis yang dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Lalulintas, aspek *'multi-tasking infrastructure'* ini perlu diterjemahkan bagi mendapat *'output'* yang bersesuaian dengan keperluan rakyat," katanya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan dalam majlis berkaitan pada 6 Januari 2023.

Selain itu, Kon Yeow berharap barisan Ahli Majlis MBPP baharu turut memberi perhatian kepada pengenalan teknologi-teknologi baru seperti *'Digital Twin'* demi membantu peringkat pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan mencapai piawaian bertaraf dunia.

Sebelum itu, Jagdeep turut berharap kedua-dua PBT negeri dapat memberi perhatian kepada usaha-usaha menangani perubahan iklim sebagaimana menjadi seruan pada peringkat global.



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan seusai Majlis Ikrar Terimaan Jawatan Ahli Majlis MBPP di sini baru-baru ini.**

Sementara itu, Tung Seang pula berharap kesemua 24 Ahli Majlis MBPP baharu dapat terus membantu PBT berkenaan meningkatkan mutu pelanggan berdasarkan inisiatif-inisiatif pintar yang berjaya dilaksanakan pada peringkat pengurusan pentadbiran sebelum ini.

Seusai majlis melafazkan ikrar terimaan jawatan Ahli Majlis MBPP tersebut, Buletin Mutiara berusaha mendapatkan reaksi lanjut daripada empat muka baharu berkenaan iaitu **MOHAMAD FARUK ABDUL RAHMAN, MOHD. HAFIZ ABD. AZIZ, DATO' KAMARUDDIN ABDULLAH** dan **GOH HUEY EE**.

Mohamad Faruk, 40, yang dilantik atas kapasiti wakil Parti Amanah Negara (Amanah) Negeri Pulau Pinang berkata dalam tempoh pelantikan sebagai Ahli Majlis MBPP, parti meminta beliau menumpukan isu memartabat kelompok usahawan dan penjaja kecil.

"Saya akan fokus kepada program-program keusahawanan, pada masa sama meneruskan legasi MBPP yang telah berjaya dicapai sebelum ini di samping memberi tumpuan kepada beberapa perkara diamanatkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri," ujarnya yang juga penggerak sepenuh masa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Persatuan Kebajikan Kemanusiaan Malaysia (ARIF).

Nada hampir serupa dikongsi oleh Mohd. Hafiz, 60, yang turut dilantik atas kapasiti mewakili Amanah Pulau Pinang.

"Sebagai 'muka baru', saya akan mengikuti perkembangan (pentadbiran MBPP) telah buat serta memperbaiki polisi-polisi peringkat PBT sebagaimana dihasratkan oleh Ketua Menteri," ulasnya yang juga bekas Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) sepenuh masa.

Manakala, Kamaruddin, 55, yang juga Pengasas Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) menyatakan bahawa beliau akan memanfaatkan pengalaman berdialog harmoni bagi menyemarakkan lagi George Town sebagai bandar raya harmoni serta mesra pelancongan untuk semua bangsa.

"Sebagai Ahli Majlis yang baru dilantik, pertama sudah tentu tugas-tugas hakiki iaitu memastikan MBPP terus menyediakan khidmat pelanggan terbaik dari segi kebersihan dan kesihatan.

"Kedua, saya akan menawarkan khidmat kemanusiaan merentasi sempadan agama serta kaum untuk negeri Pulau Pinang.

"Saya merupakan antara pengasas program pelancongan masjid di Masjid Kapitan Keling yang mana ratusan pelancong asing datang ke sini…saya mulakan program tersebut pada tahun 1990.

"Pelbagai dialog dianjurkan secara harmoni bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan, yang itu saya pernah buat, saya harap dapat dimanfaatkan (atas kedudukan saya sebagai) Ahli Majlis MBPP," katanya dalam nada sederhana.

Huey Ee, 40, pula memberitahu bahawa beliau dilantik sebagai Ahli Majlis MBPP atas kapasiti Pengerusi NGO Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang Sesi Tahun 2022/2023.

"Saya akan teliti Visi Penang2030, meneruskan perancangan pelan-pelan peringkat PBT yang sesuai dengan penduduk Pulau Pinang, yang mana perlu ditambah baik, akan diberi keutamaan sepanjang tempoh saya menjadi Ahli Majlis bagi Jawatankuasa Kerja yang akan ditakrifkan ke atas saya nanti," jelasnya yang juga seorang peniaga.



GOH Huey Ee.



KAMARUDDIN Abdullah.



MOHAMAD Faruk Abdul Rahman.



MOHD. Hafiz Abd. Aziz.

# Ahli Majlis sebagai penghubung rakyat dan Kerajaan Negeri



NORMAHANI Muhamad.



RAKAMAN gambar kenangan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bersama-sama barisan Ahli Majlis MBSP seusai majlis angkat sumpah penerimaan jawatan di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA -** Seramai 24 Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tahun 2023 termasuk seorang muka baru mengangkat sumpah penerimaan jawatan di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 6 Januari lalu.

Semua Ahli Majlis yang dilantik adalah untuk tempoh lapan bulan mulai 1 Januari sehingga 31 Ogos 2023 selaras dengan Seksyen 10 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Semasa berucap, Kon Yeow menyeru semua Ahli Majlis supaya bertindak sebagai penghubung di antara rakyat dan Kerajaan Negeri.

"Ahli Majlis juga perlu memberikan kerjasama rapat kepada Datuk Bandar dan warga kerja MBSP dalam menyampaikan perkhidmatan lebih cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai.

"Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua Ahli Majlis yang dilantik untuk menggalas tanggungjawab ini.

"Semoga aspirasi untuk mentransformasikan Seberang Perai sebagai nadi pembangunan masa depan negeri Pulau Pinang dapat diterjemahkan demi negeri dan negara yang makmur, harmoni serta sejahtera," katanya.

Menurut Kon Yeow, tahun 2022 merupakan tahun mencabar buat MBSP apabila berlakunya bencana kebakaran di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung.

"Namun, saya kira MBSP telah berjaya mengatasi masalah ini dengan baik dan mengambil inisiatif yang sewajarnya untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit di lokasi tersebut.

"Justeru, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh warga kerja MBSP dan Ahli Majlis atas komitmen serta kerjasama cemerlang yang telah diberikan.

"Bersama tekad dan semangat baru pada tahun ini, lebih banyak kecemerlangan dan kegemilangan bakal dipacu sejajar dengan tekad untuk mempercepatkan pencapaian Visi Penang2030," katanya.

Sementara itu, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Sigh Deo turut mengingatkan Ahli-ahli Majlis yang dilantik supaya tidak leka dengan pelbagai kejayaan yang dicapai oleh MBSP kerana masih banyak lagi isu yang perlu diberikan perhatian serius.

"Kita ada pelbagai dokumen penting termasuk Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP2030) dan Visi Penang2030 yang memerlukan Ahli Majlis berada di lapangan bagi merealisasikan dokumen ini," ujarnya.

Dalam pada itu, Datuk Bandar MBSP, Dato' Azhar Arshad menyeru semua Ahli Majlis dan warga MBSP supaya mengekalkan budaya kerja berpasukan, proaktif, inovatif dan inklusif kepada pandangan rakyat bagi memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

"Kita tidak dapat lari dan tidak boleh mengelak untuk bekerja dalam satu pasukan kerana pasukan yang mantap sangat penting bagi sesebuah organisasi seperti MBSP.

"Amalan bermusyawarah atau perbincangan bagi memperoleh kata sepakat daripada pelbagai aspek untuk mencapai sesuatu kejayaan perlu sentiasa diamalkan," serunya lagi.

Difahamkan, seramai 10 Ahli Majlis yang dipilih ialah daripada Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Keadilan Rakyat, PKR (9), Parti Amanah Negara, Amanah (2) dan pertubuhan bukan kerajaan, NGO (3).

Buletin Mutiara juga berkesempatan menemu bual Ahli Majlis yang baru dilantik bagi tahun ini iaitu **NORMAHANI MUHAMAD**, 62, untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai aspirasi beliau terhadap masa depan Seberang Perai.

Beliau yang merupakan Ahli Jawatankuasa Amanah Negeri Pulau Pinang akan memberikan tumpuan terhadap usaha untuk mewujudkan sebanyak mungkin peluang pekerjaan khususnya kepada golongan muda.

"Saya akan berusaha sebaik mungkin untuk membantu anak muda menyambung pelajaran serta mengikuti kursus kemahiran terutama mereka yang keciciran dalam pelajaran atau lemah dalam bidang akademik.

"Selain itu, saya juga akan mencari inisiatif untuk membina lebih banyak tempat bagi membolehkan anak-anak muda menjalankan perniagaan," katanya yang merupakan pemegang Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Pengurusan dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pendidikan di Universiti Sains Malaysia (USM).

Sebagai Ketua Wanita Amanah Permatang Pauh, beliau turut memberikan tumpuan kepada isu-isu wanita terutama berkaitan isu pusat jagaan anak-anak.

"Saya akan mencari jalan untuk membantu mengurangkan yuran pusat jagaan yang semakin mahal pada masa ini supaya wanita bekerja dapat menghantar anak-anak ke pusat jagaan yang selamat.

"Sudah tentu sebagai pesara guru, saya juga akan menitikberatkan isu-isu pendidikan dengan fokus akan diberikan kepada sukatan dan latihan untuk guru-guru tadika," katanya yang merupakan mantan pengetua di Sekolah Menengah Kebangsaan Alma, Bukit Mertajam.

## RTB Sentul Jaya demi kurang bencana banjir

**BUKIT TENGAH -** Kerajaan Negeri akan terus berusaha menambah baik rancangan tebatan banjir (RTB) sedia ada di sekitar kawasan Parlimen Batu Kawan demi mengurangkan lagi risiko bencana banjir kilat pada masa hadapan.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan memberitahu bahawa Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memperuntukkan hampir RM1 juta bagi menaik taraf 500 kubik meter per saat kapasiti pam sedia ada di Taman Sentul Jaya.

"Semestinya penduduk akan fokus kepada masalah (banjir kilat yang dihadapi oleh mereka), dan bukannya tanggungjawab mereka untuk mencari penyelesaian.

"Kita (Kerajaan Negeri hari ini) dengar masalah, dan kita 'dalam' Kerajaan Persekutuan juga perlu mencari penyelesaian sepertimana kita lakukan sekarang.

"Kita (Kerajaan Negeri) perlu senantiasa mengemas kini (masalah yang dihadapi penduduk), apabila berlakunya (bencana banjir kilat umpamanya), kita akan melakukan kajian serta lihat di mana wujud masalah (dari segi) kelemahan projek yang dilaksanakan.

"Hasil daripada (kajian masalah tersebut), kita perlu penambahbaikan, mungkin pam sedia ada tidak cukup kapasiti, maka perlu tambah satu pam ataupun mungkin perlu ada satu pam boleh bergerak," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi kepada Buletin Mutiara di perkarangan Rumah Pam Taman Sentul Jaya dekat sini pada 27 Disember 2022.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Kamarul Haizal Koderat; Penolong Jurutera MBSP, Ahmad Akmal Abu Bakar dan beberapa Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan turut sertai sidang media tersebut.

Sebelum itu, Kon Yeow turut mengadakan lawatan ke Rumah Pam Taman Mangga serta mengadakan perbincangan dengan para pemegang taruh di kawasan tersebut berhubung isu kejadian banjir kilat yang acap kali berlaku sungguhpun selepas siap projek menaik taraf beberapa rumah pam serta projek Parit Lima di sini.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow turut mengadakan lawatan ringkas ke kawasan rekreasi Taman Bayu Mutiara.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MBKK) Bukit Tengah, Tan Gee Huat mencadangkan pentadbiran Kon Yeow menaik taraf taman rekreasi sedia ada menjadi gelanggang permainan kasut roda awam untuk manfaat penduduk lokal yang menghuni 200 unit kediaman jenis teres dan tiga blok rumah pangsa di sini.



ANTARA produk yang dijual di Ninja Mart dekat Lebuh Chulia.

# Ninja Mart perkenal konsep membeli sambil beramal

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**NINJA** *Mart Network* (Ninja Mart) komited untuk berkongsi keuntungan yang diperoleh daripada perniagaan mereka dengan masyarakat melalui sumbangan amal kepada rumah-rumah anak yatim dan kebajikan di negeri ini.

Pada 2 Disember 2022, Ninja Mart berjaya membuka cawangan kedai serbaneka ketiga di Lebuh Chulia untuk memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat.

Perasmian pembukaan cawangan ketiga disempurnakan oleh Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain dan turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

Difahamkan, Ninja Mart membuka cawangan pertamanya di Pangsapuri Sungai Ara dekat Bayan Lepas pada Julai 2022 dan disusuli dengan cawangan kedua di Jalan Gottlieb, George Town pada September tahun yang sama.

Baru-baru ini, pasukan Buletin Mutiara berkesempatan menemu bual pengurus program Ninja Mart, **HASNI ABD. WAHAB** untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai kerja-kerja kebajikan yang dilaksanakan oleh syarikat itu.



HASNI Abd. Wahab.

## Bukan hanya bermatlamat keuntungan

Bercerita lanjut, Hasni berkata bahawa matlamat *Ninja Mart Network* bukan sahaja untuk mencari keuntungan semata-mata tetapi juga merancang untuk menjalankan kerja amal pada setiap bulan.

"Majikan saya, Dr. CK Neoh merupakan seorang ahli perniagaan yang sangat prihatin terhadap golongan yang memerlukan terutamanya melibatkan anak yatim dan golongan warga emas.

"Oleh itu, beliau selalu berpesan bahawa sekiranya kami memperoleh lebih banyak keuntungan, maka lebih banyak kami perlu kembalikan kepada masyarakat melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat," katanya dengan nada mesra.

Hasni berkata, sumbangan amal yang disalurkan oleh *Ninja Mart Network* tidak mempunyai sasaran tertentu, sebaliknya merangkumi semua golongan yang memerlukan tanpa mengira latar belakang kaum, agama dan jantina.

"Setakat ini, kegiatan amal yang kita jalankan adalah merangkumi rumah anak yatim, rumah kebajikan orang-orang tua, masjid, surau dan golongan miskin.

"Prinsip kita adalah selagi ada keperluan untuk kami menyumbang, kami akan berikan yang terbaik mengikut keperluan mereka.

"Sebenarnya, sumbangan amal syarikat juga bukanlah terhad kepada masyarakat di Pulau Pinang sahaja tetapi kami juga membantu mereka yang memerlukan di beberapa lagi negeri seperti Kedah dan Perak.

"Contohnya, sebelum ini kami juga ke Baling, Kedah untuk menyampaikan sumbangan kepada penduduk kampung di sana yang begitu terkesan akibat penularan pandemik COVID-19," jelasnya.

## Hasrat kembangkan perniagaan

Mengulas lanjut, Hasni menyatakan bahawa syarikat berkenaan turut menyasarkan untuk membuka 30 cawangan Ninja Mart di seluruh negara menjelang penghujung tahun 2023.

"Sekarang ini, kami sedang membuat beberapa penelitian dan merancang untuk membuka beberapa lagi cawangan dalam masa terdekat di Johor dan Sabah.

"Seperti yang diketahui umum, produk utama kami ialah makanan iaitu sushi yang dihasilkan sendiri oleh anak tempatan.

"Selain itu, kami juga memasarkan produk-produk lain termasuk roti, minuman, makanan ringan serta serta keperluan harian dari beberapa negara Asia.

"Pada masa hadapan, kami juga mungkin akan menambah beberapa lagi sekiranya ada permintaan dan menepati kehendak syarikat," ulasnya lanjut.

Dalam pada itu, Hasni menyatakan bahawa bahawa Ninja Mart turut mewujudkan ruang untuk pelanggan berehat sambil menikmati minuman atau makanan berasaskan Jepun di kedai serbaneka tersebut.



SUSHI yang dihasilkan oleh anak tempatan merupakan antara produk utama.

## Sokong produk PKS

Serentak itu, Hasni turut memberitahu bahawa Ninja Mart turut menyokong penuh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan di negeri ini dengan meletakkan produk-produk mereka untuk dijual di kedai serbaneka tersebut.

"Selain itu, kami juga menyediakan latihan sambil bekerja kepada kakitangan sambilan kami khusus untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bertujuan memberikan pengalaman seterusnya membantu mengembangkan kerjaya mereka.

"Kita juga sedang dalam perancangan untuk mengadakan kerjasama dengan kolej-kolej tempatan untuk membolehkan pekerja kita mengikuti kursus dalam bidang kulinari dan peruncitan," ujarnya.

Selain rangkaian Ninja Mart, Dr. Neoh juga menjalankan beberapa perniagaan lain, termasuk perkhidmatan pengambilan pekerja yang mana mereka mencari tenaga berbakat untuk pelanggan mereka.



RUANG makan yang disediakan kepada pelanggan di premis Ninja Mart.

# Jabatan Pengurusan Krisis bawa imej MBSP dan negeri

**TIGA** misi bantuan pasca bencana yang disertai oleh Jabatan Pengurusan Krisis, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada tahun lepas sedikit sebanyak turut menyemat pengalaman kepada para Wira Oren yang terlibat.

Wujud sebagai sebuah unit di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT), kemudiannya dinaik taraf sebagai Jabatan Pengurusan Krisis, fungsinya sebagai 'duta' untuk kerja-kerja pemulihan pasca bencana sama ada di Seberang Perai mahupun di luar negeri Pulau Pinang tidak boleh disangkal lagi.

Seramai 123 Wira Oren MBSP menyertai dua misi pemilihan pasca bencana banjir di negeri Selangor dan Pahang pada 23 Disember 2021 hingga 13 Januari 2022.

Seramai 91 anggota Wira Oren MBSP menyertai misi hampir serupa di Baling, Kedah pada 6 hingga 9 Julai 2022.

Pada 15 hingga 17 Mac 2022 pula, seramai empat kakitangan MBSP serta tiga kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjayakan misi pemulihan pasca bencana lain iaitu Program Penyerahan Sumbangan Bantuan Barangan Kepada Mangsa Banjir di Negeri Kelantan dan Terengganu.

Dalam misi itu, Jabatan Pengurusan Krisis MBSP turut dilihat dalam urusan pengantaran barang keperluan harian dan peralatan pembersihan yang dibekalkan daripada agensi-agensi Negeri serta beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** (jurugambar) berpeluang menemu ramah secara kelompok tujuh orang Wira Oren yang terlibat dalam beberapa misi bantuan pemulihan pasca bencana di bawah kendalian Jabatan Pengurusan Krisis MBSP.

Mereka adalah Khairul Nizam Muhamad Rosli (Pembantu Am C), Mohd. Amirul Shafik Talib (Pemandu), Mohd. Nabil Ahmad (Pembantu Am), Muhammad Nor Akhbar Hassan (Pembantu Am), A. Seva (Pembantu Am), S. Latchumanan (Pembantu Am) dan S. Saktheesparan (Pembantu Am).

Memulakan bicarawara, **KHAIRUL NIZAM MUHAMAD ROSLI** memberitahu bahawa beliau telah berkhidmat dengan MBSP sejak 18 tahun lepas, termasuk empat tahun bersama-sama Jabatan Pengurusan Krisis.

"Asalnya adalah sebuah unit yang ditubuhkan pada tahun 2001, kemudian dinaik taraf menjadi Jabatan Pengurusan Krisis pada tahun 2019.



**ANTARA barisan Wira Oren yang terlibat dalam Misi Bantuan Pemulihan Pasca Bencana di Kedah, Selangor, Pahang, Kelantan dan Terengganu sebelum ini merakam gambar kenang-kenangan di perkarangan hadapan Kompleks MBSP Cawangan Seberang Perai Tengah dekat Jalan Betek.**



**KHAIRUL Nizam Muhamad Rosli.**

"Saya menyertai Jabatan Pengurusan Krisis sejak empat tahun lepas, sebelum itu saya bekerja di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran," jelasnya.

Berkongsi cerita lanjut, Khairul Nizam memberitahu bahawa ketika di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, beliau masih ingat pengalaman menyertai kerja-kerja pemilihan pasca bencana banjir besar pada tahun 2017.

Sejak itu, beliau secara peribadi berpendapat bahawa sebuah jabatan khusus memang perlu diwujudkan pada peringkat PBT bagi kerja-kerja pemulihan pasca bencana.

"Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) serta agensi-agensi berwajib lain lazimnya akan melakukan kerja-kerja penyelamatan semasa bencana.

"Selepas bencana banjir besar umpamanya, memang memerlukan kerja-kerja pemulihan yang memakan masa kadang-kadang lebih dari seminggu.

"Jadi, di sinilah kita akan lihat relevannya Jabatan Pengurusan Krisis yang ditubuhkan dalam MBSP, dengan tugasan-tugasan hakiki tersendiri.

"Semasa banjir besar tahun 2017, saya di jabatan lain (Jabatan Perkhidmatan Perbandaran), bukan sertai Jabatan Pengurusan Krisis lagi.

"Kerja di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran adalah berbeza dengan tugas hakiki kami di Jabatan Pengurusan Krisis.

"Kerja hakiki di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dahulu antaranya kutip sampah dan bersihkan kawasan taman rekreasi penduduk, tetapi di Jabatan Pengurusan Krisis ada pelbagai kerja lain lagi," ujarnya.

Beliau memberitahu bahawa setiap anggota di bawah Jabatan Pengurusan Krisis turut mempunyai kerja hakiki seperti memangkas pokok atau menebang pokok tumbang yang menghalang lalu lintas serta memusnahkan sarang tebuan di kawasan komuniti, apabila tidak ada misi pemulihan pasca bencana sama ada di sekitar Seberang Perai ataupun di luar negeri Pulau Pinang.

"Apabila bencana banjir berlaku seperti di beberapa negeri sebelum ini, para anggota Jabatan Pengurusan Krisis serta aset-aset berkaitan akan digerakkan ke kawasan yang terlibat pasca bencana.

"Ini, satu lagi kerja-kerja hakiki kami, iaitu memulihkan keadaan pasca bencana yang memakan masa berhari-hari, selepas kerja-kerja penyelamatan nyawa dilakukan oleh Bomba dan JPAM," ulasnya.

Salah satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan, menurut Khairul Nizam lagi, adalah menyertai misi pemulihan pasca bencana di Klang, Selangor.

"Keadaan banjir memang teruk. Rumah dan barangan milik mangsa banjir banyak yang musnah.

"Kami bekerja selama 12 jam sehari, seperti mengumpulkan sampah-sarap dan sisa pepejal yang tidak dapat dihanyutkan air banjir, juga cuci selut serta lumpur dalam rumah dan atas jalan.

"Orang tempatan memang sambut baik, mereka tahu Wira Oren ini adalah jentera misi bantuan pasca bencana MBSP.

"Ada juga mereka terkejut sebab kita datang dari jauh (Pulau Pinang)," katanya.

**MOHD. AMIRUL SHAFIK TALIB** pula memberitahu bahawa peluang menyertai tiga misi pemulihan pasca bencana di negeri Selangor, Pahang dan Kedah sebelum ini sedikit sebanyak meningkatkan pengalaman serta kemahiran di lapangan.



**MOHD. Amirul Shafik Talib.**

"Sudah empat tahun menyertai Jabatan Pengurusan Krisis, sebagai pemandu jentera, sebelum ini saya kerja di tempat lain.

"Tiga misi bantuan pasca bencana yang telah saya sertai sebelum ini (pada tahun 2022), pengalaman saya secara peribadi, banjir yang dihadapi oleh mangsa adalah lebih teruk berbanding yang kita baca dalam laporan berita.

"Saya ini 'tawar diri' nak pergi, apabila sampai di kawasan bencana, suasana kemusnahan harta benda rakyat yang begitu teruk, saya sendiri berasa amat sedih, tidak banyak yang boleh dibantu melainkan kerja-kerja hakiki sebagai Wira Oren sahaja," jelasnya.

Sebagai pemandu, beliau menyatakan bahawa tugas hakikinya adalah memastikan semua aset bagi misi bantuan pemulihan pasca bencana selamat sampai ke destinasi yang dikehendaki.

"Tanggungjawab saya sebagai pemandu adalah memastikan pergerakan misi bantuan ini, semua anggota dan aset-aset selamat sampai di kawasan bencana, itu paling penting.

"Saya terlibat dalam menggerakkan aset-aset seperti *grabber crane, tailift, roro, tipper*… kiranya selepas membawa lori pengangkut barang ke kawasan bencana, saya bawa jentera lain juga.

*(Sambungan di muka 7).*



PHEE Boon Poh.

# Pusat Transit Gelandangan



PUSAT Transit Gelandangan dijangka beroperasi April ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN & PEJABAT EXCO**

PUSAT Transit Gelandangan yang terletak di No.19 Jalan C.Y.Choy dijangka memulakan operasi pada April 2023.

Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh berkata bahawa sehingga Disember 2022, kerja-kerja pembinaan telah mencapai kadar kemajuan 99 peratus.

"Sepatutnya projek ini siap 100 peratus sebelum akhir tahun 2022, tetapi mengalami kelewatan dan hanya dijangka siap sepenuhnya dalam bulan Januari 2023.

"Saya telah meminta Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) supaya memberikan laporan kos yang diperlukan bagi melengkapkan kemasan dalaman.

"Hal ini kerana, setelah mengambil kira margin kenaikan kos (melibatkan kos bahan binaan), projek tersebut kini telah menelan belanja RM4.9 juta," ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara di pejabatnya pada 29 Disember 2022.

Menurut Boon Poh, pada masa sama pihak berkaitan akan mengemukakan permohonan bagi mendapatkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) pada bulan Februari 2023 beserta Sijil Layak Menduduki (OC) .

"Saya menjangkakan proses tersebut bakal mengambil masa kira-kira sebulan dan pusat tersebut akan memulakan operasi pada bulan April nanti.

"(Dan) pada masa sama, saya yakin bangunan Pusat Transit Gelandangan ini memenuhi tahap penarafan platinum bagi Indeks Bangunan Hijau (GBI) yang turut akan dinilai nanti.

"Malah, pada bulan Januari 2023, Jawatankuasa Induk (bagi projek berkenaan) akan bermesyuarat bagi menetapkan terma rujukan (TOR) dari segi pentadbiran, kegunaan, kemampuan beroperasi dan lain-lain yang berkaitan.

"Bagi memastikan segalanya berjalan lancar, saya juga telah menghantar (lawatan kerja) pegawai-pegawai terlibat ke Kuala Lumpur untuk melihat pengoperasian pusat gelandangan di sana.

"Susulan lawatan kerja itu, TOR dirangka dan akan dibentangkan dalam mesyuarat Exco bagi memperoleh persetujuan serta kelulusan," jelasnya.

Seperti dilaporkan oleh Buletin Mutiara sebelum ini, pusat transit tersebut juga bakal menjadi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang bukan sahaja memberi peluang kepada warga emas 'bergelandangan' bersosial secara sihat tetapi juga membuka peluang untuk menjana pendapatan dengan membantu pengoperasian di kafe atau di pusat kitar semula yang terdapat di premis berkenaan.

Jelas Boon Poh lagi, inisiatif mewujudkan PAWE itu juga adalah sejajar dengan Visi Penang2030 iaitu ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

"Juga sejajar dengan Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif dalam menggalakkan rakyat negeri ini khasnya warga emas kekal aktif walaupun berusia," katanya.

## Komited cari penyelesaian terbaik

Menceritakan mengenai situasi warga bergelandangan, Boon Poh menyatakan bahawa sejak pemansuhan Akta Kawalan Sewa pada Januari 2000, penghuni terutamanya di kawasan George Town terpaksa berpindah keluar rentetan kenaikan sewa.

"Apabila mereka berpindah keluar, maka terputus hubungan dengan kawan-kawan…akhirnya mereka mula berkumpul di hentian bas di Komtar untuk berjumpa.

"(Dan) situasi ini telah disalah pandang oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan amal yang menganggap mereka ini hidup bergelandangan.

"Maka mereka (NGO dan pertubuhan amal) mula menghulurkan bantuan makanan sehingga berlaku pembaziran dan menjadi punca kekotoran sampah-sarap sehingga menjejaskan imej Komtar.

"Pastinya terdapat faktor lain seperti kesempitan hidup, masalah keluarga, perantau yang mencari kerja tetapi tidak mampu menyewa dan bermacam-macam lagi yang kami temui," ujarnya yang turut berkongsi bermacam ragam warga bergelandangan di sini.

Tambah beliau, aktiviti 'turun padang' yang dijalankan sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut akan disambung semula bagi membolehkan pihak Kerajaan Negeri memperoleh maklumat dan profil yang lebih tepat.

"Sebelum ini, berdasarkan data tiga tahun lepas, jumlah gelandangan yang didaftarkan ialah seramai 72 orang.

"Jadi, perlu untuk kita (Kerajaan Negeri) mengemas kini data yang ada, lagipun pejabat saya juga menerima aduan berhubung 'kutu rayau' yang sering kelihatan di premis-premis sekitar Komtar ini.

"Ada antara mereka ini yang *'homeless'* (tidak mempunyai tempat berteduh) dan mempunyai masalah menyewa, oleh itu kita perlu 'turun padang' supaya dapat membantu.

*(Sambungan di muka 7).*



PANDANGAN sisi bangunan Pusat Transit Gelandangan.

# jangka mula operasi April

"Terima kasih kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kerana telah membantu saya menyediakan unit rumah dengan kapasiti enam orang seunit untuk disewakan pada kadar RM30 sebulan.

"Bil elektrik dan bil air ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri, dan inilah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bersama-sama MBPP untuk membantu sewajarnya.

"Juga terdapat kes yang mana pihak kita menghantar pulang mereka ini ke pangkuan keluarga kerana terlibat dengan masalah kekeluargaan dan sebagainya.

"Paling mustahak adalah komitmen Kerajaan Negeri untuk mencari penyelesaian terbaik serta sewajarnya untuk semua orang, kita bukannya mahu 'serang hendap' tetapi mahu menyelamat dan mengembalikan maruah mereka," hurainya lagi.

**Inisiatif pusat sehenti 'Bandar Selamat'**

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu itu turut berkongsi mengenai inisiatif mewujudkan pusat sehenti 'Bandar Selamat' di bangunan bernombor 17, Jalan C.Y. Choy, iaitu bersebelahan Pusat Transit Gelandangan.

"Pusat ini akan mengumpulkan pasukan-pasukan seperti Pasukan Bertindak Kecemasan Komuniti (CERT), Pasukan Bomba Sukarela (PBS), pasukan keselamatan dan kesihatan untuk memberi bantuan kecemasan awal serta khidmat nasihat sekiranya diperlukan.

"Melalui inisiatif ini, program-program seperti pemeriksaan kesihatan mingguan dapat dilaksanakan dengan melibatkan pengamal perubatan sama ada dari hospital kerajaan mahupun swasta.

"Malah, program-program dan aktiviti juga bakal dirangka dengan melibatkan Buddhist Tzu-Chi Merits Society Malaysia (Tzu-Chi) serta ADUN setempat seperti Daniel Gooi (Zi Sen, ADUN Pengkalan Kota) dan Teh Lai Heng (ADUN Komtar)," katanya.

Sebagai rekod, Pusat Transit Gelandangan ini dilengkapi dengan kemudahan penginapan transit 88 katil, ruangan aktiviti untuk warga emas, ruangan kitar semula, dobi, kafe, taman poket dan pusat komuniti setempat. Malah, segala kemudahan di pusat ini juga mesra warga emas dan mesra orang kurang upaya (OKU).






**SUASANA dalaman yang kini pada peringkat akhir kemasan.**

*(Sambungan dari muka 5).*

## Pengurusan krisis daripada pengalaman di lapangan

"Walaupun tugas hakiki adalah pemandu, kami juga turut terlibat dalam memunggah sisa-sisa pepejal yang rosak akibat bencana banjir dari rumah-rumah mangsa," ujarnya.

Lebih menarik, tambah Mohd. Amirul adalah pengalaman bermalam di dewan orang ramai bersama-sama rakan sekerja lain demi menyelesaikan misi pemulihan berwajib.

"Salah satu pengalaman menarik selain kerja-kerja bantuan pasca bencana adalah pengalaman tidur bersama-sama rakan sekerja di dewan orang ramai di sini.

"Tidur di dewan orang ramai, adalah dibekalkan tilam, sesiapa nak selesa kena bawa bantal sendiri, macam saya berbantalkan beg pakaian sahaja.

"Perihal makan minum sepanjang misi bantuan pasca bencana pun, kami masak sendiri di dewan tempat kami bermalam," ulasnya.

Ketua Jabatan Pengurusan Krisis, **MOHAMMAD ADIL SAMSURI** yang ditemui kemudian memberitahu bahawa rata-rata Wira Oren yang diserap masuk dalam jabatan baharu itu adalah dalam kalangan kelas buruh.

Ekoran itu, beliau berkata, pembinaan kemahiran berkaitan selok-belok pengurusan krisis dalam kalangan Wira Oren berkenaan adalah daripada pengalaman di lapangan, bukan berdasarkan teori buku teks.



**MOHAMMAD Adil Samsuri semasa ditemu ramah di pejabatnya dekat Jalan Betek, KADUN Padang Lalang di sini baru-baru ini.**

"Pertamanya, apabila kita terlibat dalam misi banjir ini, rata-rata yang terlibat adalah kelas buruh, jadi tumpuan lebih pada aspek praktikal di lapangan, ini pentingnya apabila mereka menyertai misi-misi banjir secara langsung.

"Alhamdulillah, pada peringkat Jabatan Pengurusan Krisis MBSP, kita nampak secara praktikal dan berkesan, apakah jenis jentera yang benar-benar diperlukan apabila di lapangan misi pemulihan pasca banjir.

"Sebagai contoh, jentera *grabber crane*, tidak semua PBT (pihak berkuasa tempatan) ada, semasa di lapangan, jentera ini lebih diperlukan berbanding *backhoe* dan sebagainya.

"Macam *backhoe* ini, kita (MBPP) boleh sewakan daripada firma swasta atau pihak ketiga, tetapi *grabber crane* ini kalau diperlukan pun, susah untuk kita sewa kerana firma swasta pun jarang ada.

"Untuk mengangkut perabut-perabut pecah dan sebagainya di kawasan bencana, *grabber crane* lebih diperlukan berbanding *backhoe*.

"Dengan adanya aset seperti *grabber crane*, memang memudahkan anggota Jabatan Pengurusan Krisis melakukan kerja-kerja pemulihan pasca bencana di kawasan yang terlibat.

"Ini, maklum balas penduduk tempatan semasa kita menyertai misi pemulihan pasca banjir di Bentong, Pahang, dan di Klang, Selangor," ulasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Buletin Mutiara atas liputan lanjut mengenai tugas-tugas hakiki anggota di jabatan tersebut yang berpangkalan di Jalan Betek dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Lalang.

Berbanding dengan PBT lain, Jabatan Pengurusan Krisis MBSP boleh dikatakan mempunyai aset serta jentera untuk misi pemulihan pasca bencana yang agak lengkap.

Melihat kemampuan serta kerelevanan Jabatan Pengurusan Krisis MBSP, Mohammad Adil percaya jabatan baharu itu boleh menjadi 'duta pemulihan kerja-kerja tidak berisiko, sekali gus mengharumkan nama negeri Pulau Pinang di persada nasional.

"Untuk kerja-kerja pemulihan dan penyelamatan yang tidak berisiko tinggi di kawasan bencana, kita (pada peringkat Jabatan Pengurusan Krisis MBSP) sedia untuk membantu.

"Pada masa hadapan, saya berharap anggota dalam jabatan ini berpeluang mendapatkan latihan lanjutan mengenai kaedah-kaedah pengurusan bencana dan pasca bencana.

"Jabatan Pengurusan Krisis ini bukan sahaja membawa nama MBSP, malah nama Pulau Pinang, apabila aset-aset kami digerakkan ke luar dari negeri Pulau Pinang ini," jelasnya dalam nada sederhana.

# Penghasilan padi per komited tingkat hasil

**PULAU PINANG** bagi tahun 2021 mencatatkan jumlah penghasilan padi tertinggi berbanding negeri-negeri lain, dengan beratan 5.7 juta tan metrik per hektar.

Walaupun dikenali sebagai negeri kedua paling kecil di negara ini, langsung tidak mengekang keupayaan Pulau Pinang mencatatkan rekod tersebut.

Dengan rekod pencapaian itu juga sekali gus meletakkan Pulau Pinang pada kedudukan tersendiri dalam sektor penghasilan padi negara, di samping jaguh dari segi Pelaburan Langsung Asing (FDI) berbanding negeri-negeri lain.

Baru-baru ini wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan **DARWINA MOHD. DAUD** (jurugambar) berpeluang menemuramah antara orang kuat di sebalik kejayaan Pulau Pinang mencatatkan jumlah penghasilan padi tertinggi negara.

Individu yang dimaksudkan tidak lain tidak bukan ialah Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, **MOHD. MUHAIMIN IBRAHIM**.

Memulakan bicara, Mohd. Muhaimin memberitahu bahawa kawasan penanaman padi pada hari ini semakin mengecil.

Menyedari perkara itu, Mohd. Muhaimin menyatakan bahawa pihaknya bersama-sama beberapa agensi berkaitan seperti Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang (IADA), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) hatta kelompok petani sendiri bekerja keras memastikan penghasilan padi boleh berada pada tahap optimum.

"Namun apa yang Jabatan (Pertanian Negeri), IADA dan PPK laksanakan bersama-sama para petani rentetan kejayaan ini adalah bekerjasama melawan serangan (serangga) penyakit, kita mencari solusi dan sampaikan dengan segera kepada pesawah.

"Di samping itu, di Pulau Pinang, agensi-agensi kerajaan turut menjalankan *'integration pest management'* bagi mengawal serangan serangga dan perosak-perosak tanaman yang mampu mengancam hasil padi.

"Untuk perbandingan lebih adil, Pulau Pinang sememangnya lebih sesuai dibandingkan dengan Selangor dari segi demografi, kemajuan serta peratusan keluasan tanah untuk tanaman padi," ujarnya membuka bicara pada pertemuan 4 Januari lalu.



MOHD. Muhaimin Ibrahim.

Selain itu, Mohd. Muhaimin memberitahu bahawa saliran yang baik, saiz petak sawah yang kecil, bantuan baja berkualiti dan kaedah mengawal serangga penyakit merupakan antara faktor lain yang menyumbang kepada kejayaan penghasilan padi tertinggi negara

"(Faktor lain) paling penting adalah usaha daripada petani-petani itu sendiri.

"Faktor-faktor ini juga menjadikan Pulau Pinang kerap melepasi penghasilan padi lebih daripada yang disyorkan pada peringkat nasional," jelasnya lagi dalam nada sederhana.

Pun begitu, Mohd. Muhaimin mendedahkan bahawa hasil padi Pulau Pinang pernah merosot pada tahun 2019 ekoran taufan Lekoma yang merosokkan tanaman padi, secara implisit menjejaskan jumlah pengeluaran padi negeri.

Tanpa berselindung, beliau turut memberitahu bahawa pihaknya meramalkan hasil padi negeri kemungkinan merosot pada musim akan datang atas beberapa faktor.

"Contohnya, baru-baru ini ada serangan penyakit.

"Kurang lebih, ia menjadi sedikit kompleks (rumit untuk menjelaskan sebab-musabab kemerosotan jumlah penghasilan padi negeri).

"Cuma, pengurangan tersebut belum diperhalusi kerana masih dikaji oleh pihak-pihak berkepentingan di peringkat pusat," ulasnya sambil memberitahu bahawa Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang akan memaklumkan mengenai hasil kajian tersebut secepat mungkin kepada para petani.



## Peranan Kerajaan Negeri

Tambah Mohd. Muhaimin, Kerajaan Negeri sebelum ini turut memainkan peranan penting serta begitu cakna dengan komitmen terhadap pesawah dalam menghasilkan padi bermutu serta berskala besar di Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri telah salurkan bantuan khas RM500 seorang kepada semua 5,262 pesawah berdaftar di bawah PPK.

"Bayaran telah selesai pada 31 Disember 2022, perkara ini mesti diuar-uarkan kerana Kerajaan Negeri dilihat begitu hargai setiap pesawah berdaftar, walupun jumlahnya tidaklah besar namun ia sebagai penghargaan kepada pesawah.

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# hektar tertinggi dan kualiti


SELAIN padi, Pulau Pinang juga merupakan pengeluar benih padi berkualiti.


SALAH seorang pesawah menunjukkan hasil padi 'kuning keemasan' yang sedia untuk dituai.



REKA bentuk mesin padi yang merupakan sebahagian peralatan yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu petani meningkatkan hasil pertanian berkaitan padi.

"Insentif ini mampu memberi galakan kepada pesawah (selain) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian bagi racun, termasuk program bersama IADA, buat kawalan perosak tanaman… contoh basmi tikus dan sebagainya.

"Sumbangan lain pun ada lagi seperti bagi mesin padi di Seberang Perai Utara (SPU) bernilai RM140,000 dan enam unit dron kepada pesawah-pesawah kelompok dan koperasi setiap daerah yang mana salah satunya bernilai RM70,000," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri hari ini.

Baginya, secara peribadi berpendapat bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang wajar meneruskan program pembayaran insentif tersebut tiap-tiap tahun sebagai simbol penghargaan atas pengorbanan para petani demi memenuhi keperluan rakyat.

## Sara diri dan pengurusan

Berdasarkan rekod Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Mohd. Muhaimin menjelaskan jumlah pengeluaran padi di negeri ini kini mencapai 60 peratus bagi tujuan sara diri.

"Kita di Pulau Pinang adalah pengeluar benih sah tanaman padi, dalam semua penghasilan padi itu, tidak semua dijadikan beras; ada yang dijadikan benih dan kita mengeluarkan benih antara yang berkualiti.

"Program Padi Skala Besar Berkelompok di Permatang Ara, Permatang Pasir, Padang Temusu, Permatang Nibong dan Jalan Baru menjalankan pelaksanaan fokus kepada pengurusan sistematik secara berpusat.

"Melalui program itu, semua sawah akan menggunakan penjadualan yang sama, tidak ada lagi buat secara sendiri, ia dilakukan secara bersepadu," ulasnya lanjut.

## Cabaran

Di sebalik kejayaan Pulau Pinang mencatatkan rekod penghasilan padi per hektar paling tinggi di negara ini, kata Mohd. Muhaimin, ada pelbagai cabaran sebenarnya.

Mengulas lanjut berhubung cabaran negeri, beliau berkata bahawa sektor pembangunan yang berkembang rancak umpamanya mengakibatkan bank tanah untuk dijadikan 'jelapang pali Pulau Pinang' kian berkurangan.

"Kawasan tanaman padi perlu diwartakan sebagai kawasan kekal untuk pastikan pengeluaran padi Pulau Pinang berterusan," jelasnya sambil menegaskan bahawa Jabatan Pertanian Negeri tidak pernah menyokong tukar guna tanah pertanian padi kepada pembangunan.

Cabaran lain, tambah Mohd. Muhaimin adalah isu penurunan hasil padi akibat kegagalan proses kawalan perosak.

"Kalau kawasan itu diserang, hasil akan merosot dan menjejaskan kos pemgurusan... jadi kawalan rumpai sangat memainkan peranan selain sikap petani itu sendiri.

"Kalau mementingkan pengeluaran, dia akan buat yang terbaik (serta) tidak akan guna racun diharamkan," sambungnya sambil menegaskan racun haram akan merosakkan ekosistem.

Cabaran lain, kata beliau lanjut adalah usaha memastikan sistem pengairan baik serta ramalan cuaca juga wajar diteliti.

"Dengan keadaan cuaca semasa, pam air sudah digerakkan dalam memastikan sawah mempunyai bekalan air yang cukup," ujarnya.

## Hala tuju 2023

Mengakhiri wawancara, Mohd. Muhaimin menyatakan bahawa Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang berhasrat meletakkan keterjaminan makanan sebagai perkara utama bagi tahun 2023.

Beliau yakin jabatannya sedaya upaya akan membantu meningkatkan hasil dan kualiti agar jumlah penghasilan padi negeri terus ditingkatkan.

"Ada satu lagi industri asas tani iaitu *'Farmer to Farmer'*, tanaman fertigasi telah bermula dua tahun lalu dengan harapan supaya pertanian menjadi penyumbang kepada pendapatan negeri.

"Kesan sampingannya mampu memberi pulangan kepada negeri terutamanya dalam sektor pelancongan dan pelancongan pendidikan seperti durian yang mana sektor berkaitan adalah lebih 'meriah' pada musim durian," katanya menutup bicara.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
